



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 08 Tahun 2019

### PERMOHONAN MEMBAWA KE HADAPAN BAKI CUTI REHAT DAN PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) BAGI TAHUN 2018 KE TAHUN 2019

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat bagi tahun 2018 ke tahun 2019 dan permohonan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) secara dalam talian menggunakan Sistem HR2U.

#### LATAR BELAKANG

2. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan dibenarkan dikumpul sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) atau di bawa ke tahun berikutnya tertakluk kepada syarat tertentu berdasarkan ketetapan dalam Perintah Am Bab C Perkara 11, Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2004, Pekeliling Pendaftar Bil. 24/2004 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2009.

#### PELAKSANAAN

3. Staf berjawatan tetap boleh membuat permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2018 ke tahun 2019 dan mengumpul baki cuti tersebut sebagai GCR menggunakan Sistem HR2U mulai **20 Februari 2019**.

4. Permohonan secara dalam talian ini akan ditutup mulai **21 Mac 2019** bagi membolehkan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar memproses permohonan.

5. Moderator Cuti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan semua permohonan Cuti Rehat tahun 2018 secara dalam talian telah dikemaskini. Permohonan bagi membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan GCR yang dibuat secara dalam talian perlu diambil tindakan oleh pegawai bertanggungjawab (Pegawai Membenar/ Meluluskan) mengikut tempoh yang dibenarkan iaitu mulai **22 Mac 2019** hingga **22 April 2019**.

6. Sistem HR2U akan memaparkan skrin permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan GCR sehingga pegawai selesai melaksanakan tindakan. Staf dan pegawai bertanggungjawab (Pegawai Membenar/ Meluluskan) yang tidak melaksanakan sebarang tindakan selepas tarikh tutup permohonan dan kelulusan yang ditetapkan akan menerima surat peringatan secara dalam talian **kecuali** bagi staf yang dalam tempoh bercuti bagi jangka masa panjang atau melebihi satu (1) bulan semasa tempoh permohonan dibuka.

7. Pelaksanaan pekeliling ini tidak terpakai kepada staf yang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji yang melebihi tempoh satu (1) tahun.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**


8. Pekeliling dikeluarkan pada 14 Februari 2019.

#### **TARIKH KUATKUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 14 Februari 2019.

## PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf berjawatan tetap Universiti Teknologi MARA.



**AZIDA AZMI**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)

No Siri : 100-BPD(Bil. 08 / 2019)